

Ahli MPP jadi medium jaga kepentingan pelajar

BH (MPP) 27/01/2010 MS-6

KUANTAN: Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) perlu bertindak secara profesional bagi menangani masalah yang timbul di kalangan pelajar dan bukannya mencari populariti dengan mencanang diri sebagai wakil MPP tanpa mengatasi isu yang dibangkitkan itu.

Sebagai wakil pelajar, ahli MPP perlu mempunyai hubungan dua hala yang kukuh dengan pengurusan universiti bagi memastikan semua masalah berbangkit dapat ditangani dengan baik.

Seorang daripada calon MPP Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohd Hazwan Syafiq Harun, 21, berkata MPP menjadi medium dalam menjaga kepentingan pelajar dan hak asasi mahasiswa terutama bagi menyalurkan masalah kepada pengurusan universiti.

"Kita perlu meneruskan kesinambungan kepemimpinan terdahulu dengan memberi lebih ruang kepada

pelajar mengemukakan pelbagai pandangan, saranan dan cadangan yang bernas serta memberi impak terbaik kepada pelajar," katanya.

Pelajar Tahun Dua Fakulti Kejuruteraan Mekanikal itu yakin mendapat sokongan pelajar berikutan misi dan visinya untuk melahirkan 'mahasiswa peduli' akan digunakan sebagai slogan sepanjang tempoh berkempen.

Seorang lagi calon, Ong Hang Chuan, 22, dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli yang berkempen menggunakan slogan 'Mahasiswa Untuk Mahasiswa' berkata, semua pelajar perlu membuat keputusan tepat memilih wakil yang dapat membantu menyelesaikan pelbagai masalah dan isu yang timbul.

"Saya mahu setiap pelajar memanfaatkan peluang memilih pemimpin berwibawa, memiliki daya kepemimpinan dan beriltizam tinggi serta menjadi penghubung antara

pelajar dan pengurusan universiti dalam menyelesaikan masalah dan pertikaian yang berlaku.

"Banyak perkara yang belum dapat diselesaikan kepimpinan lama dan saya berharap calon yang dipilih ini dapat meneruskan kesinambungan itu dengan menambah baik semua kekurangan yang ada," katanya.

Pelajar Tahun Dua Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian, Nurul Nadia Mat Jalaluddin, 22, akan memberi tumpuan terhadap beberapa isu utama memabatkan keselamatan pelajar wanita dan penyediaan kemudahan awam yang lebih baik di sekitar kampus.

"Kita mahu wakil wanita dilantik dalam MPP demi kebaikan semua pihak," katanya yang berpeluang menjadi pelajar wanita pertama berucap di Sudut Pidato selepas majlis pelancarannya dilakukan Dekan Fakulti Jabatan Hal Ehwal Pelajar



ANALE MARHATON ABD GHANI | BERITA HARIAN

SEBAHAGIAN pelajar melihat paparan di skrin komputer riba mengenai kaedah akan digunakan pada hari pemilihan Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar di UMP Kampus Gambang.

dan Akademik, Profesor Dr Mohd Ridwan Nordin, di UMP Kampus Gambang, dekat sini, kelmarin.

Ketiga-tiga calon pemilihan MPP itu adalah antara 39 pelajar yang diumumkan bertanding bagi membentuk jawatankuasa MPP di UMP sesi 2009/2010, di UMP Kampus Gambang, dekat sini, semalam.

Kira-kira 6,000 pelajar dijangka memilih calon masing-masing esok (Khamis), di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang bermula jam 9 pagi hingga 4 petang.

Sementara itu, Mohd Ridwan ketika merasmikan sudut pidato di bangunan Kafeteria Kolej Kediaman Satu (KK1), meminta pelajar menggunakan kemudahan itu bagi

mengutarakan pandangan dan pendapat masing-masing berhubung pelbagai isu yang berkaitan.

"Jangan takut atau gementar untuk berkongsi idea kerana pihak pentadbiran menyediakannya untuk kegunaan bersama dalam membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam semua bidang," katanya.